

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 24.07.2017**

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bon Kerajaan dan jumlah yang dibeli oleh orang asing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 52.3%% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (50.6% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Terbitan Kerajaan dalam negeri melalui dua instrumen utama iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia

(MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) menunjukkan terlebih langganan dengan purata 2.4 kali, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap instrumen terbitan Kerajaan. Bagi pinjaman luar pesisir, sebahagian besarnya adalah melalui terbitan Sukuk Global yang pada masa ini berjumlah RM16.5 bilion dan baki berjumlah RM6.2 bilion adalah pinjaman projek.

2. Hutang Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan sebahagian besarnya, meliputi 74.3% dipegang oleh pelabur institusi utama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), institusi perbankan tempatan dan pelbagai institusi lain seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, institusi bukan kewangan dan lain-lain pemegang termasuk Bank Negara Malaysia. Selebihnya atau 25.7% lagi dipegang oleh bukan pemastautin yang terdiri daripada pengurus aset, bank pusat, kerajaan, dana persaraan dan institusi kewangan lain dari Timur Tengah, Eropah dan Amerika Syarikat.

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam

dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 42

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah bekalan air bandar dapat dilaksanakan ke kawasan berikut iaitu dari Batu Kaya ke kawasan Ensawang, Wong Pandak dan Wong Panjai, dari Changkul ke kawasan Rasau, Ng. Kumpang, Danau dan Kandis, dan Kawasan dari Stuga ke hilir Batang Ai, Engkilili, di kawasan hilir Sg. Skrang, dari Lipat ke Tabut dan sekitarnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek yang dimaksudkan tersebut adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar Lubok Antu Fasa 2 yang merupakan bekalan air bersih dan terawat. Reka bentuk awalan projek ini telah pun siap. Walau bagaimanapun, rekabentuk projek ini perlu melalui proses Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*). Makmal tersebut akan diadakan pada 14 hingga 18 Ogos 2017. Projek ini dijangka dapat ditender pada bulan Januari 2018 tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah dan dijangka siap bulan Mac tahun 2020.